



# **MANUAL PENGGUNA**

## **SISTEM PQ DASHBOARD**

**PENGAUTOMASIAN PROSES  
PENASIHAT AKADEMIK  
SECARA MENYELURUH**



# **MANUAL PENGGUNA**

**SISTEM PQ** DASHBOARD

**PENGAUTOMASIAN PROSES  
PENASIHAT AKADEMIK  
SECARA MENYELURUH**



## **PRAKATA**

Tugas dan tanggungjawab pensyarah di Universiti Teknologi MARA merentasi pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kesarjanaan dan perkhidmatan kepada universiti, pelajar dan masyarakat. Salah satu tanggungjawab penting yang wajib dilaksanakan oleh seseorang pensyarah UiTM ialah menjadi Penasihat Akademik (PA) iaitu menyelia sekumpulan pelajar yang telah ditetapkan sepanjang tempoh pengajian mereka di universiti. Penasihat Akademik juga bertanggungjawab membimbing dan memantau perjalanan akademik pelajar di bawah seliaan masing-masing untuk membantu mereka menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan, memperoleh tahap pencapaian akademik yang bersesuaian dengan keupayaan dan potensi mereka. Menyelesaikan segala permasalahan yang berlaku dalam membantu pelajar ke arah pembentukan peribadi yang lebih baik.

Sekalung tahniah diucapkan kepada Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Unit Infostruktur dan kumpulan PA2U kerana telah mencetuskan idea untuk menghasilkan sistem P@Dashboard serta manual pengguna bagi memudahkan urusan penasihat akademik dilakukan.

Penghargaan saya juga kepada barisan pembangun serta jawatankuasa penasihat akademik dimana semua lantikan adalah di kalangan pensyarah dan pentadbir akademik yang telah memberikan kerjasama padu dalam menyediakan manual ini.

Objektif penghasilan Manual Penguna P@Dashboard ini ialah untuk dijadikan sumber capaian panduan pantas para kakitangan tentang penggunaan sistem P@Dashboard dalam melaksanakan tugas pengurusan Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) pelajar.

Semoga ia dapat dimanfaatkan oleh seluruh warga akademik dan bukan akademik UiTM dalam membantu melincinkan proses pentadbiran akademik.

**PROFESOR DR. MOHAMED ABDULLAH HEMDI  
REKTOR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KEDAH**

# SINOPSIS

Sistem PA Dashboard dibangunkan oleh kumpulan KIK PA2U berciri inovatif – berdasarkan capaian web, mengadaptasikan amalan-amalan terbaik pengurusan pelajar-penasihat akademik dengan berteraskan modul utama ESI UiTM iaitu Modul Sinergi, serta dibina atas platform ICT leading edge yang menjadikannya unik: Merapatkan jurang sistem hubungan penasihat, pelajar, pentadbir akademik.

Episod pembangunan sistem ini bermula pada suku terakhir tahun 2020 dan telah selesai pada pertengahan tahun 2021. Konfigurasi sistem dilaksanakan kepada 3 jabatan pada tahun 2020, namun diperluaskan kepada keseluruhan 15 jabatan berdasarkan permintaan pada awal 2021. Komponen utama aliran Sistem PA Dashboard ialah Penasihat Akademik, Pelajar yang Diselia, Pensyarah Mengajar dan Pentadbir Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Kedah

Sistem PA Dashboard merupakan sistem pengurusan proses penasihat akademik dan pelajar yang memenuhi ciri inovatif dan boleh dikomersialkan kerana menyediakan capaian maklumat secara atas talian dan real time. Penggunaan Penggunaan teknologi terkini seperti Oracle 10g Database dan Windows Server Enterprise 2003 OLP NL GOVT memudahkan proses konfigurasi dan penyesuaian (customisation) terhadap sebarang keperluan pengguna khususnya aspek penetapan Service Level Agreement (SLA) dan pelaporan statistik.

Sistem PA Dashboard juga mempunyai ciptaan nilai (value creation) seperti nilai organisasi – prestasi dan kecekapan bahagian Hal Ehwal Akademik dalam menyelia fungsi penasihat akademik, keselamatan dan integriti pangakalan data, kompetensi modal insan dan pembudayaan inovasi serta mesra perancangan strategik bagi kampus. Selain itu, ciptaan nilai sosial merangkumi kualiti hidup, keseimbangan kerja/hidup, nilai tambah kepada ekonomi dan kepercayaan oleh stakeholder/pelanggan.

Pewujudan Sistem PA Dashboard sangat relevan dan signifikan dengan agenda UiTM2025 yang memberi fokus pada perubahan, perkembangan dan keperluan membabitkan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) kerana keupayaannya meningkatkan

kecekapan dan keberkesanan penyampaian dengan membudayakan kebersamaan dan keterangkuan yang harmoni dan produktif bagi mencapai hasil berkualiti dan bermanfaat dan berimpak tinggi am selain berfungsi sebagai input kepada analisis-analisis jabatan.

Ciri-ciri inovatif pembangunan sistem PA Dashboard adalah:

1. Berasaskan Capaian Web (web-based)
  - Boleh dicapai pada bila-bila masa, di mana juar
2. Mengadaptasi Aliran Pengurusan Penasihat Akademik
  - Mesra pengguna dan memudahkan pengendalian proses penasihat akademik di Bahagian Hal Ehwal Akademik (process-flow dan SOP).

Analisis yang telah dibuat oleh kumpulan PA2U mendapati antara faktor penyumbang kepada ketidakcekapan pengendalian sistem penasihat akademik dan juga kekerapan kekhilafan penasihat yang dilaporkan oleh pelajar adalah berpunca dari senario berikut:

- Ketiadaan suatu sistem pengendalian aduan berasaskan ICT di agensi berkenaan;
- Sistem manual yang dibangunkan tidak menepati aliran pengurusan aktivit penasihat akademik di bahagian hal ehwal akademik dan tidak mesra pengguna;
- Sistem manual yang digunakan bersifat rigid dan sebarang penyesuaian (customisation) dan konfigurasi sistem tidak boleh dilaksanakan;
- Pematuhan aliran kerja / SOP tiada dalam kerangka aspek pemantauan dalam sistem; dan
- Sistem manual tidak dilengkapi modul pelaporan statistik bagi tujuan analisis terhadap data-data aduan (executive/business intelligence)

Senario tersebut bukan sahaja menggambarkan bahawa wujudnya jurang komunikasi dan kolaborasi yang luas antara pihak terlibat, malahan elemen analisis dan pelaporan secara sistematik hampir langsung tidak wujud dalam urusan pengendalian penasihat akademik.

Uniknya, Sistem PA Dashboard ini boleh diterima pakai oleh kesemua cawangan UiTM kerana platform pembinaan sistem ini adalah berteraskan aliran proses Penasihat akademik yg diterjemahkan dalam Buku Peraturan Akademik UiTM. Aliran proses pengendalian aduan ini merangkumi Standard Operating Procedure (SOP) yang kemas dan teratur, selaras dengan agenda PS 2025 UTM. Maka, Sistem PA Dashboard amat relevan dalam konteks semasa berdasarkan asas berikut:

Menjimatkan kos universiti dengan ketara kerana ia hanya perlu dibangunkan sekali oleh pihak IT dan boleh diguna pakai terus oleh jabatan/cawangan lain tanpa perlu melibatkan kos tambahan pembangunan sistem di setiap jabatan/cawangan;

Sistem ini dibangunkan berdasarkan amalan-amalan terbaik pengurusan sistem pemasihat akademik yang diadaptasi dari pengalaman para pensyarah, pelajar dan pentadbir akademik menguruskan proses penasihat ademik serta amalan organisasi terbaik dari dalam/luar negara

Sistem PA Dashboard dapat memenuhi keperluan agensi, kehendak para pelanggan dan juga perubahan persekitaran semasa yang menekankan penggunaan teknologi dalam menyampaikan perkhidmatan.

Sistem PA Dashboard ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada semua terutamanya kepada penasihat akademik dan pelajar.

Dengan adanya sistem ini, maka keperluan/aduan pelajar akan diuruskan dengan lebih cekap, telus dan sistematik. Analisis terhadap keperluan/aduan tersebut adalah lebih holistik dan tepat; dapat mengenal pasti punca keperluan/aduan berlaku serta langkah -langkah pembetulan dan penambahbaikan dapat dilaksanakan oleh pihak pentadbiran dengan lebih objektif

Sistem PA Dashboard adalah platform bagi membantu merealisasikan Pelan Transformasi UiTM dalam persekitaran yang lebih kondusif.

## **MANUAL PENGGUNA SISTEM P@DASHBOARD**

PENGAUTOMASIAN PROSES PENASIHAT AKADEMIK SECARA MENYELURUH



جامعة تكنولوجى مارا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Hak cipta terpelihara © 2021  
UiTM Cawangan Kedah

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluar ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali atau disiarkan dalam apa-apa jua cara sama ada secara elektronik, fotocopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak UiTM Cawangan Kedah, Malaysia.

Sebarang keterangan lanjut, sila hubungi:

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
UiTM Cawangan Kedah  
Kampus Sungai Petani  
08400 Merbok  
Kedah

Tel : 04 4562000  
<https://kedah.uitm.edu.my/>

**e ISBN 978-967-2948-22-3**

# ISI KANDUNGAN

1.0	PENGENALAN.....	1
1.1	LATAR BELAKANG SISTEM .....	1
1.2	TUJUAN.....	2
1.4	OBJEKTIF.....	2
2.0	AKSES SISTEM P@DASHBOARD.....	3
3.0	MODUL PELAJAR ( <i>STUDENT</i> ).....	4
3.1	LOGIN PELAJAR.....	4
3.2	PAPARAN UTAMA MODUL PELAJAR.....	6
3.3	MENU MAILBOX .....	6
3.4	MENU PERSONAL PROFILE .....	8
3.5	MENU PORTFOLIO ELEMENT .....	9
3.5.1	PROGRAMME STRUCTURE .....	9
3.5.2	PROGRAMME OUTCOMES.....	10
3.5.3	COURSE INFORMATION .....	10
3.5.4	ASSESSMENT.....	11
3.6	MENU SUPPORTIVE ELEMENT .....	12
3.6.1	CERTIFICATIONS & QUALIFICATIONS.....	12
3.6.2	EXAMINATION RESULT.....	13
3.6.3	RELEVANT DOCUMENT.....	14
3.7	MENU PORTFOLIO VERIFICATION FORM .....	15
3.8	MENU OFFLINE DISCUSSION FORM.....	16
3.9	MENU ELECTRONIC STUDENT ACADEMIC STATUS DIRECTORY (eSSD).....	16
3.10	MENU ACADEMIC CALENDAR.....	17
3.11	MENU CGPA CALCULATOR .....	17
4.0	MODUL PENASIHAT AKADEMIK ( <i>ADVISOR</i> ).....	18
4.1	MENU LOGIN PENASIHAT AKADEMIK.....	18
4.2	PAPARAN UTAMA MODUL PENASIHAT AKADEMIK.....	18
4.3	MENU MAILBOX .....	19
4.3.1	LECTURER.....	19
4.3.2	STUDENT .....	21
4.4	MENU ROLE OF ACADEMIC ADVISOR.....	23
4.5	MENU STUDENT ADMINISTRATIVE .....	24
4.6	MENU LIST OF ADVISEE.....	24
4.7	MENU ACADEMIC CALENDAR .....	26

4.8	MENU PORTFOLIO VERIFICATION FORM.....	27
4.9	MENU OFFLINE DISCUSSION FORM.....	29
4.10	MENU ACADEMIC PROCESS & FEE STATUS.....	30
4.11	MENU ACADEMIC ADVISOR MANUAL.....	31
4.12	MENU ACADEMIC REGULATION .....	31
4.13	MENU ELECTRONIC STUDENT ACADEMIC STATUS DIRECTORY (eSSD).....	32
5.0	MODUL PENSYARAH ( <i>LECTURER</i> ).....	33
5.1	MENU LOGIN PENSYARAH .....	33
5.2	PAPARAN UTAMA MODUL PENSYARAH.....	34
5.3	MENU MAILBOX .....	34
5.4	MENU SEARCH OF ACADEMIC ADVISOR.....	35
5.5	MENU ELECTRONIC STUDENT ACADEMIC STATUS DIRECTORY (eSSD).....	36
6.0	MANUAL PENTADBIR ( <i>ADMINISTRATOR</i> ).....	37
6.1	MENU LOGIN PENTADBIR.....	37
6.2	PAPARAN UTAMA MODUL PENTADBIR .....	37
6.3	MENU UPDATE.....	38
6.3.1	IMPORTANT DATE.....	38
6.3.2	ACADEMIC ADVISOR.....	38
6.3.3	ADVISEE .....	40
6.4	MENU UPLOAD .....	41
6.4.1	PROGRAMME OUTCOMES.....	41
6.5	MENU LIST .....	43
6.5.1	ANUGERAH GRADUAN TERBAIK.....	43
6.5.2	CGPA CATEGORY .....	43
6.5.3	FINANCIAL INFORMATION .....	44
6.5.4	OKU STATUS.....	45
6.6	MENU REPORT .....	46
6.6.1	ADVISEE .....	46
7.0	PENUTUP .....	48

## **1.0 PENGENALAN**

### **1.1 LATAR BELAKANG SISTEM**

Sistem Penasihat Akademik (PA) dalam talian atau P@DASHBOARD adalah sistem yang disediakan berasaskan aplikasi web bagi membantu Bahagian Hal Ehwal Akademik untuk memantau dan membuat pelaporan proses PA yang berlaku di kampus.

Sistem ini mempunyai beberapa kelebihan seperti berikut :

- Memudahkan PA bagi proses penyimpanan maklumat pelajar bawah seliaan masing-masing dengan lebih sistematik.
- Membantu PA dan Jawatankuasa OKU mengenal pasti pelajar yang kurang keupayaan dan bai tujuan keperluan mereka semasa mereka berstatus pelajar.
- Membantu Jawatankuasa Zakat dan BHEA mengenalpasti pelajar dalam kategori B40 yang memerlukan bantuan agar mudah disalurkan bantuan.
- Memudahkan BHEA dan Unit Kaunseling mengkategorikan pelajar mengikut tahap keupayaan pembelajaran mereka (cth: PUNCAK, PERMATA, DAN KACA).
- Menyalurkan maklumat kepada BHEA bagi pelaporan dan pemantauan sistem PA di kampus.
- Penggunaan PA D@SHBOARD dapat menjimatkan masa dan kos pengurusan berbanding penggunaan fail secara manual oleh pelajar.

### **1.2 TUJUAN**

Tujuan penyediaan Manual Pengguna ini adalah untuk membantu pengguna sistem memahami proses kerja dan penggunaan bagi setiap modul di dalam sistem ini. Dokumentasi ini akan membantu menerangkan dengan terperinci bagaimana sistem ini berfungsi dan memberi gambaran kepada pengguna bagaimana untuk menggunakan sistem tersebut. Manual ini merupakan bahan rujukan atau panduan dalam menggunakan sistem P@DASHBOARD.

### **1.3 SISTEM P@DASHBOARD**

Sistem P@DASHBOARD dibangunkan menggunakan *web-based architecture*. Sistem ini adalah sistem dalaman UiTM dan hanya boleh dicapai oleh pengguna yang berdaftar sebagai staf atau pelajar UiTM sahaja. Mempunyai empat pengguna utama iaitu pelajar, pensyarah, penasihat akademik dan ahli jawatankuasa penasihat akademik. Setiap pengguna mempunyai kepentingan dan penggunaannya.

### **1.4 OBJEKTIF**


Objektif utama Sistem P@DASHBOARD ini dibangunkan adalah untuk menyediakan platform perhubungan antara Penasihat Akademik, Pelajar dibawah Seliaan, Pensyarah yang sedang Mengajar, dan Pentadbir Sistem atau Jawatankuasa Penasihat Akademik secara atas talian. Semua Pensyarah, pelajar dan BHEA perlu menggunakan sistem ini bagi membolehkan proses Penasihat Akademik berfungsi dengan lancar. Bagi memudahkan pengguna menggunakan sistem ini, fungsi-fungsi yang terdapat dalam sistem ini telah dibangunkan dan dikategorikan mengikut peranan pengguna yang ditetapkan.

Terdapat empat (4) modul yang telah dibangunkan di dalam sistem ini iaitu ;

- i. Pelajar (*Student*) iaitu modul untuk pelajar dibawah seliaan;
- ii. Penasihat Akademik (*Advisor*);
- iii. Pensyarah (*Lecturer*) iaitu modul untuk pensyarah yang sedang mengajar; dan
- iv. Pentadbir (*Administrator*) iaitu modul untuk pentadbir sistem (Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Jawatankuasa Penasihat Akademik).

## 2.0 AKSES SISTEM P@DASHBOARD

Sistem P@DASHBOARD boleh diakses melalui alamat url <https://ikedah.uitm.edu.my/iAkademik/ePA/> dengan menggunakan pelayar internet. Sekiranya berjaya dihubungkan, laman utama sistem akan dipaparkan.




Ini adalah paparan utama modul. Sekiranya terdapat masalah berkaitan sistem, pengguna boleh membuat aduan melalui pautan yang diberikan.

### 3.0 MODUL PELAJAR (STUDENT)


Klik butang STUDENT untuk masuk ke sistem.



#### 3.1 LOGIN PELAJAR



Bagi pelajar yang baru pertama kali menggunakan sistem, sila klik pada butang First Time User.




Masukkan No Pelajar dan No Kad Pengenalan tanpa simbol -. Klik butang Login

The screenshot shows a web page titled "Personal Detail" with the URL [ikedah.uitm.edu.my/iAkademik/ePA/login/student3.php](https://ikedah.uitm.edu.my/iAkademik/ePA/login/student3.php). The form contains the following fields:


Full Name	'AUNI RAIHANAH BINTI MOHD ROSTAM	
IC Number	206147000000	
Student ID	2061470000	
Faculty Code/Name	CS	FACULTY OF COMPUTER AND MATHEMATICAL SCIENCES
Programme Code/Name	CS110	DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCES
Mod Program	S	SEPUNUH MASA
Intake Code	20205	

A blue "VERIFY" button is located at the bottom right of the form.

Maklumat pelajar akan dipaparkan. Sila semak maklumat dan klik butang VERIFY sekiranya semua maklumat adalah benar. Sekiranya terdapat maklumat yang salah, sila majukan aduan.




Notifikasi akan dipaparkan. Klik butang OK.




Laman Student Login akan dipaparkan. Masukkan No Pelajar dan No Kad Pengenalan tanpa simbol -. Klik butang Login.

### 3.2 PAPARAN UTAMA MODUL PELAJAR




Ini adalah Menu Home iaitu paparan utama Modul Pelajar.

### 3.3 MENU MAILBOX




Ini adalah paparan hadapan Menu Mailbox. Emel yang dihantar oleh Penasihat Akademik


akan disenaraikan didalam Inbox. Klik butang Compose untuk menghantar emel kepada Penasihat Akademik.



Masukkan tajuk emel pada kotak Subjek dan maklumat emel pada ruangan kotak disebelah bawah. Setelah itu, klik butang Send. Notifikasi akan dipaparkan. Klik butang OK.



Emel yang telah dihantar akan disenaraikan pada Sent.



Penasihat Akademik akan menerima notifikasi melalui emel rasmi UiTM.

### 3.4 MENU PERSONAL PROFILE

The screenshot shows the 'Personal Profile' section of the PQ Dashboard. On the left sidebar, under 'Personal Profile', there is a thumbnail image of a student. Below it, various personal details are listed in a grid format:

Current Semester	1	(Please update every semester)
Full Name	'AUNI RAIHANAH BINTI MOHD ROSTAM	
Address	1	
Phone Number	0123456789	Intake Code 20205
Student ID	2061470000	IC Number 206147000000
Programme Code / Name	CS110	DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCES
Faculty Code / Name	CS	FACULTY OF COMPUTER AND MATHEMATICAL SCIENCES
Study Mode	S	SEPUNUH MASA

Ini adalah paparan bagi Menu Personal Profile.

The screenshot shows the 'Personal Profile' section of the PQ Dashboard. It displays two sets of contact information for academic advisors:

i. Name	ABDUL RAHMAN BIN ABDULLAH
Address	23 LORONG 1, TAMAN SEROJA, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Phone Number	0134567890
Relationship	BAPA SAUDARA
ii. Name	NURUL IMANI BINTI MOHAMAD
Address	12 TAMAN AMAN, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Phone Number	0123456789
Relationship	IBU SAUDARA


Below this, there is a section for 'Academic Advisor' with fields for 'Name' (KHAIRUL WANIS AHMAD) and 'Staff Id' (206147). At the bottom is a blue 'UPDATE' button.

Pelajar boleh mengetahui nama Penasihat Akademik masing-masing pada ruangan di sebelah bawah. Pelajar perlu mengemaskini maklumat pada ruangan kosong dan klik butang UPDATE setelah selesai.


### 3.5 MENU PORTFOLIO ELEMENT

1. Pelajar perlu memuat naik Programme Structure.
2. Pelajar perlu memastikan Programme Outcomes yang disenaraikan adalah tepat.
3. Pelajar perlu memuat naik maklumat berkaitan kursus yang diambil.

#### 3.5.1 PROGRAMME STRUCTURE



Klik pada butang Choose File. Pilih fail yang akan dimuat naik dan klik butang Open.



Pautan View [Delete] akan dipaparkan menunjukkan fail telah berjaya dimuat naik. Klik View untuk melihat paparan dan [Delete] untuk memadam fail yang tersilap dimuat naik.

### 3.5.2 PROGRAMME OUTCOMES

The screenshot shows the ePA student dashboard under the 'Programme Element' section. On the left sidebar, 'Programme Outcomes' is selected. In the main content area, it displays 'Faculty: CS - FACULTY OF COMPUTER AND MATHEMATICAL SCIENCES', 'Programme: CS110 - DIPLOMA IN COMPUTER SCIENCES', and 'Study Mode: S'. Below these, there is a 'Programme Outcomes' section with a 'View' link. To the right, a separate browser window shows a PDF titled 'PROGRAMME\_OUTCOMES\_CS110.pdf' with the text 'PROGRAMME OUTCOMES CS110'.

Klik butang View. Programme Outcomes dipaparkan mengikut kod program masing-masing.

### 3.5.3 COURSE INFORMATION

The screenshot shows the ePA student dashboard under the 'Course Information' section. It displays a table header for 'Course Information/ Lesson Plan' with columns: Semester, Course Code, Course Name, Credit Unit, Course Taken, Lecturer's Name, and Attachment. Below the table, it says 'Showing 0 to 0 of 0 entries'. A modal dialog box is open, prompting the user to upload a file. The file path 'Desktop > PADASBOARD' is shown, and the file 'COURSE\_INFORMATION\_CCS123.pdf' is selected. The dialog also includes fields for 'File name' (set to 'COURSE\_INFORMATION\_CCS123') and a note '(Only pdf, jpg, jpeg, png files allowed)'. At the bottom of the dialog are 'Open' and 'Cancel' buttons.

Masukkan maklumat pada ruangan kosong dan klik pada butang Choose File. Pilih fail yang akan dimuat naik dan klik butang Open.

The screenshot shows the 'Course Information/ Lesson Plan' section of the PQ Dashboard. On the left, there's a sidebar with various links like Home, Mailbox, Personal Profile, Portfolio Element (selected), Programme Structure, Programme Outcomes, Course Information, Assessment, Supportive Materials, Portfolio Verification Form, Offline Discussion Form, eSSD, Academic Calendar, and CGPA Calculator. The main area has a table header with columns: Semester, Course Code, Course Name, Credit Unit, Course Taken, Lecturer's Name, and Attachment. Below the table, there's a form to enter course details: Current Semester (dropdown), Course Code (input), Course Name (input), Course Credit Unit (radio buttons: 1.00, 2.00, 3.00, 4.00), Course Taken (radio buttons: 1st time, 2nd time, 3rd time), Lecturer's Name (dropdown), Lecturer's Name (if any) (input), and a file upload section for 'Upload Course Information/ Lesson Plan File' with a 'Choose File' button and a note '(Only pdf, jpg, jpeg, png files allowed)'. A 'Submit' button is at the bottom.

Maklumat kursus yang dimuat naik akan disenaraikan setelah fail berjaya dimuat naik.  
Klik View untuk melihat paparan dan [Delete] untuk memadam fail yang tersilap dimuat naik.

### 3.5.4 ASSESSMENT

The screenshot shows the 'Assessment' section of the PQ Dashboard. The sidebar is identical to the previous screenshot. The main area has a table header with columns: Semester, Course Code, Assessment Name, Date Upload, and Attachment. Below the table, there's a form to enter assessment details: Current Semester (dropdown), Course Code (input), Course Name (input), Assessment Name (input), and a file upload section for 'Upload Assessment File' with a 'Choose File' button and a note '(Only pdf, jpg, jpeg, png files allowed)'. A 'Upload' button is at the bottom. A file selection dialog is overlaid on the page, showing a folder path 'Desktop > PADASBOARD' and a file named 'ASSESSMENT\_CCS123' selected. Buttons for 'Open' and 'Cancel' are visible at the bottom right of the dialog.

Pelajar perlu memuat naik maklumat berkaitan penilaian yang diambil. Masukkan maklumat pada ruangan kosong dan klik Choose File. Pilih fail yang hendak dimuat naik dan klik Open.

The screenshot shows the 'Assessment' section of the ePA student dashboard. On the left, there's a sidebar with various menu items under 'Portfolio Element'. The main area shows a table with one entry: Semester 1, Course Code CCS123, Assessment Name TEST 1, Date Upload 18/09/2021, and Attachment. Below the table is a form for adding new assessment details, including fields for Current Semester (dropdown), Course Code (text input), Course Name (text input), Assessment Name (text input), and an 'Upload Assessment File' button with a 'Choose File' field.

Maklumat penilaian yang dimuat naik akan disenaraikan setelah fail berjaya dimuat naik. Klik View untuk melihat paparan dan [Delete] untuk memadam fail yang tersilap dimuat naik.

### 3.6 MENU SUPPORTIVE ELEMENT

1. Pelajar perlu memuat naik maklumat sijil dan kelayakkan yang dimiliki.
2. Pelajar perlu memuat naik maklumat keputusan peperiksaan pada setiap semester.
3. Pelajar perlu memuat naik dokumen berkaitan seperti lantikan sebagai ahli jawatankuasa.

#### 3.6.1 CERTIFICATIONS & QUALIFICATIONS

The screenshot shows the 'Certifications & Qualifications' section of the ePA student dashboard. On the left, there's a sidebar with various menu items under 'Supportive Materials'. The main area shows a table with zero entries and a form for adding new certification details, including fields for Current Semester (dropdown), Certification Name (text input), and an 'Upload Certification File' button with a 'Choose File' field. A file selection dialog is open over the form, showing a file named 'CERTIFICATIONS\_QUALIFICATION\_AUNI'.

Masukkan maklumat pada ruangan kosong dan klik Choose File. Pilih fail yang akan dimuat naik dan klik Open.

Certifications & Qualifications

Semester	Certification Name	Date Upload	Attachment
1	SUJIL PENYERTAAN	18/09/2021	<a href="#">View</a> [Delete]

Showing 1 to 1 of 1 entries

Current Semester: 1

Certification Name:

Upload Certification File:  No file chosen (Only pdf, jpg, jpeg, png files allowed)

Maklumat kelayakkan yang dimuat naik akan disenaraikan setelah fail berjaya dimuat naik. Klik View untuk melihat paparan dan [Delete] untuk memadam fail yang tersilap dimuat naik.

### 3.6.2 EXAMINATION RESULT

Examination Result

Semester	GPA	CGPA
Showing 0 to 0 of 0 entries		

Current Semester: 1

Current GPA: 3.80

Current CGPA: 3.75

Upload Examination Result File:  No file chosen (Only pdf, jpg, jpeg, png files allowed)

Open

Organize New folder

This PC

3D Objects

Desktop

Documents

Name: EXAMINATION\_RESULT\_AUNI

File name: EXAMINATION\_RESULT\_AUNI

All Files

Open Cancel

Pelajar perlu memuat naik keputusan peperiksan pada setiap semester. Masukkan maklumat pada ruangan kosong dan klik Choose File. Pilih fail yang akan dimuat naik dan klik Open.

The screenshot shows the 'Examination Result' section of the PQ Dashboard. It displays a table with one row of data: Semester 1, GPA 3.80, CGPA 3.75, Date Upload 18/09/2021. Below the table, there are input fields for 'Current Semester' (set to 1), 'Current GPA', and 'Current CGPA'. At the bottom, there is a file upload area titled 'Upload Examination Result File' with a 'Choose File' button and a note '(Only pdf, jpg, jpeg, png files allowed)'.

Maklumat kelayakkan yang dimuat naik akan disenaraikan setelah fail berjaya dimuat naik. Klik View untuk melihat paparan dan [Delete] untuk memadam fail yang tersilap dimuat naik.

### 3.6.3 RELEVANT DOCUMENT

The screenshot shows the 'Relevant Document' section of the PQ Dashboard. It displays a table with zero entries. Below the table, there are fields for 'Current Semester' (1) and 'Document Name' (SURAT LANTIKAN A). At the bottom, there is a file upload area titled 'Upload Document File' with a 'Choose File' button and a note '(Only pdf, jpg, jpeg, png files allowed)'. A file selection dialog box is overlaid on the page, showing a file named 'RELEVANT\_DOCUMENT\_AUNI' selected in the 'Desktop' folder.

Pelajar perlu memuat naik dokumen-dokumen yang berkaitan dengan diri pelajar seperti surat pelantikan dan sebagainya. Masukkan maklumat pada ruangan kosong dan klik butang Choose File. Pilih fail yang akan dimuat naik dan klik butang Open.

Relevant Document

Semester	Document Name	Date Upload	Attachment
1	SURAT LANTIKAN AJK	18/09/2021	<a href="#">View</a> <a href="#">[Delete]</a>

Showing 1 to 1 of 1 entries

Current Semester: 1

Document Name:

Upload Document File:  No file chosen (Only pdf, jpg, jpeg, png files allowed)

Upload

Maklumat dokumen yang dimuat naik akan disenaraikan setelah fail berjaya dimuat naik. Klik View untuk melihat paparan dan [Delete] untuk memadam fail yang tersilap dimuat naik.

### 3.7 MENU PORTFOLIO VERIFICATION FORM

Portfolio Verification Form

Semester 1	Comments/Recommendations		Academic Advisor Signature
GPA	3.80	Pencapaian yang baik	Name: KHAIRUL WANIS AHMAD
CGPA	3.75		Date: 18/09/2021

Pelajar boleh melihat verifikasi oleh Penasihat Akademik terhadap pencapaian pelajar pada setiap semester.

### 3.8 MENU OFFLINE DISCUSSION FORM

The screenshot shows the 'Offline Discussion Form' section of the PQ Dashboard. On the left sidebar, under 'eSSD', there is an entry for 'Offline Discussion Form'. The main content area displays a table of entries with columns for Semester, Date, Time, Discussion Notes, Advisor, and Attachment. Two entries are listed:

Semester	Date	Time	Discussion Notes	Advisor	Attachment
1	2021-09-02	2.00 pm	PA memaklumkan kepada pelajar untuk mengemaskini maklumat dalam sistem P@Dashboard.	KHAIRUL WANIS AHMAD	<a href="#">View</a>
1	2021-09-09	9.00 am	Temuduga zakat melalui google meet. PA bertanya tentang akademik pelajar, status pendapatan keluarga untuk menyokong permohonan pelajar.	KHAIRUL WANIS AHMAD	<a href="#">View</a>

Below the table, it says 'Showing 1 to 2 of 2 entries'. To the right, there is a thumbnail image of a WhatsApp message titled 'OFFLINE DISCUSSION AUNI' with a green profile picture.

Pelajar boleh menyemak semula  
Perbincangan secara luar talian yang  
dimuat naik oleh Penasihat Akademik. Klik View untuk melihat fail yang dilampirkan.

### 3.9 MENU ELECTRONIC STUDENT ACADEMIC STATUS DIRECTORY (eSSD)


The screenshot shows the 'Electronic Student Academic Status Directory (eSSD)' section of the PQ Dashboard. On the left sidebar, under 'eSSD', there is a list of academic statuses with their descriptions:

Code	Description
AD	Anugerah Dekan
ANC	Anugerah Naib Canselor
CK	Cuti Khas
D	Gagal dan Diberhentikan
F	Gagal
FD	Tindakan Disiplin
GT	Gugur Taraf
LNT	Lulus Naik Taraf
LU	Lulus
P	Perhatian (Tidak Memuaskan)
PC	Pengecualian Kredit
PK	Pemindahan Kredit
RMP	Rayuan Meneruskan Pengajian
SML	Sepenuh Masa Lanjutan
TL	Tidak Lengkap
TM	Tamat
TS	Tamat dengan Anugerah Dekan
UD	Audit

To the right, there is a detailed view of the 'Cuti Khas' (CK) entry. It includes a thumbnail image of a document titled 'Permohonan Cuti Khas' from the Universiti Teknologi MARA, a summary of the process, and two numbered steps: 01 and 02.


Senarai status akademik disenaraikan pada menu ini. Pelajar boleh mendapatkan maklumat berkaitan dengan klik pada kod atau nama fail. Infografik status akademik akan dipaparkan.

### 3.10 MENU ACADEMIC CALENDAR



Pautan ke kalendar akademik disediakan bagi memudahkan pelajar membuat rujukan.


### 3.11 MENU CGPA CALCULATOR




Menu ini membolehkan pelajar untuk membuat perancangan berkenaan markah CGPA. Pelajar perlu memasukkan maklumat yang diperlukan. Setelah semua maklumat dimasukkan, klik butang Calculate untuk melihat anggaran markah.

## 4.0 MODUL PENASIHAT AKADEMIK (ADVISOR)

Klik butang ADVISOR untuk masuk ke sistem.




### 4.1 MENU LOGIN PENASIHAT AKADEMIK



Laman Advisor Login akan dipaparkan. Masukkan No Pekerja dan No Kad Pengenalan tanpa simbol -. Klik butang Login.

### 4.2 PAPARAN UTAMA MODUL PENASIHAT AKADEMIK




Ini adalah Menu Home iaitu paparan utama Modul Penasihat Akademik.

Important Date memaparkan tarikh-tarikh penting proses akademik.


## 4.3 MENU MAILBOX

- Menu Mailbox untuk Penasihat Akademik terbahagi kepada 2 iaitu Mailbox : Lecturer dan Mailbox : Student.
- Mailbox : Lecturer adalah untuk komunikasi antara Penasihat Akademik dan Pensyarah bagi pelajar yang diselia
- Mailbox : Student adalah untuk komunikasi antara Penasihat Akademik dan pelajar yang diselia.


### 4.3.1 LECTURER



Ini adalah paparan Menu Mailbox: Lecturer. Emel yang dihantar oleh Pensyarah akan disenaraikan di dalam Inbox. Klik butang Compose untuk menghantar emel kepada Pensyarah.



Masukkan tajuk emel pada kotak Subjek dan masukkan maklumat emel pada ruangan kotak di sebelah bawah. Setelah itu, klik butang Send. Notifikasi akan dipaparkan. Klik butang OK.




Emel yang telah dihantar akan disenaraikan pada Sent.




Pensyarah akan menerima notifikasi melalui emel rasmi UiTM.


#### 4.3.2 STUDENT




Ini adalah paparan hadapan Menu Mailbox: Student. Emel yang dihantar oleh pelajar yang diselia akan disenaraikan di dalam Inbox. Klik butang Compose untuk menghantar emel kepada pelajar.



Masukkan tajuk emel pada kotak Subjek dan masukkan maklumat emel pada ruangan kotak disebelah bawah. Setelah itu, klik butang Send. Notifikasi akan dipaparkan. Klik butang OK.



Emel yang telah dihantar akan disenaraikan pada Sent.



Selain menghantar emel secara individu, terdapat juga fungsi untuk menghantar emel serentak kepada semua pelajar yang diselia. Klik pada butang Compose to All Advisee. Masukkan tajuk emel pada kotak Subjek dan masukkan maklumat pada ruangan kotak disebelah bawah dan klik butang Send.

Emel yang telah dihantar akan disenaraikan pada Sent dan nama semua pelajar yang menerima emel tadi akan dipaparkan.

#### 4.4 MENU ROLE OF ACADEMIC ADVISOR

Maklumat amanah tugas Penasihat Akademik

## 4.5 MENU STUDENT ADMINISTRATIVE

